

PEMBELAJARAN AKSES KENDIRI SEBAGAI PEMANGKIN KEJAYAAN PELAJAR DALAM SUBJEK AL-SYARIAH KURIKULUM BERSEPADU DINI: SATU SOROTAN LITERATUR

SELF-DIRECTED LEARNING AS A CONTRIBUTING FACTOR FOR STUDENT SUCCESS IN THE AL-SYARIAH SUBJECT OF THE DINI INTEGRATED CURRICULUM: A LITERATURE REVIEW

Rakif Selamat^{1*}
Mohd Nor Mamat²
Muhamad Hasif Yahaya³
Nurul Hasanah Tamili⁴

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(E-mail: 2024858292@student.uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(E-mail: mohdnoor@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(E-mail: hasifyahaya@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(E-mail: hasanahtamili@uitm.edu.my)

*Corresponding author: 2024858292@student.uitm.edu.my

Article history

Received date : 20-4-2025
Revised date : 21-4-2025
Accepted date : 24-5-2025
Published date : 14-7-2025

To cite this document:

Selamat, R., Mamat, M. N., Yahaya, M. H., & Tamili, N. H. (2025). Pembelajaran akses sendiri sebagai pemangkin kejayaan pelajar dalam subjek Al-Syariah kurikulum bersepadu dini: Satu sorotan literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 667 - 677.

Abstrak: Pembelajaran akses sendiri merupakan pendekatan yang semakin mendapat perhatian dalam dunia pendidikan kerana keupayaannya dalam membentuk pelajar yang lebih berdikari dan bertanggungjawab terhadap proses pembelajaran mereka sendiri. Namun, kebelakangan ini, isu kegagalan pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi subjek Al-Syariah Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) semakin membimbangkan, menunjukkan keperluan untuk menilai keberkesanan kaedah pembelajaran sedia ada. Kajian ini meneliti peranan pembelajaran akses sendiri sebagai pemangkin kejayaan pelajar dalam subjek Al-Syariah KBD. Melalui sorotan literatur, kajian ini membincangkan keberkesanan pendekatan ini dari segi pedagogi, motivasi pelajar, penggunaan teknologi, serta cabaran dalam pelaksanaannya. Dapatan menunjukkan bahawa pembelajaran akses sendiri dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap ilmu Syariah dan menggalakkan pemikiran kritis serta sikap bertanggungjawab dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, cabaran seperti tahap disiplin pelajar yang berbeza, akses kepada teknologi, dan peranan guru sebagai fasilitator perlu diberi perhatian bagi memastikan keberkesanan pendekatan ini. Oleh itu, penyediaan modul pembelajaran yang lebih sistematik, sokongan teknologi yang lebih baik,

dan bimbingan guru yang berkesan adalah antara cadangan yang dapat memperkukuhkan pelaksanaan pembelajaran akses sendiri dalam subjek Al-Syariah, seterusnya membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam SPM.

Kata Kunci: Pembelajaran akses sendiri, Al-Syariah Kurikulum Bersepadu Dini, kejayaan pelajar.

Abstract: *Self-directed learning has emerged as a pivotal approach in contemporary education due to its potential to cultivate independent and self-regulated learners. However, the increasing rate of student failure in the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) examination for the Al-Syariah Integrated Dini Curriculum (KBD) subject raises concerns regarding the efficacy of current instructional methodologies. This study explores the role of self-directed learning as a contributing factor for student success in the Al-Syariah KBD. Through a comprehensive literature review, the study examines the effectiveness of this approach concerning pedagogical strategies, student motivation, technological integration, and implementation challenges. Findings indicate that self-directed learning enhances students' comprehension of Syariah principles while fostering critical thinking skills and a heightened sense of academic responsibility. Nevertheless, challenges such as disparities in student discipline, limited technological access, and the evolving role of educators as facilitators must be addressed to optimize the benefits of this approach. Consequently, the development of structured learning modules, enhanced technological support, and effective teacher guidance are proposed as key strategies to strengthen the implementation of self-directed learning in the Al-Syariah subject, ultimately contributing to improved student performance in the SPM examination.*

Keywords: *Self-directed learning, Al-Syariah Integrated Dini Curriculum, student achievement.*

Pengenalan

Pembelajaran Akses Kendiri (PAK) merupakan satu pendekatan pembelajaran yang memberi kebebasan dan autonomi kepada pelajar untuk mengawal serta mengurus proses pembelajaran mereka sendiri. Pendekatan ini semakin mendapat perhatian dalam sistem pendidikan moden kerana ia membolehkan pelajar belajar mengikut rentak, gaya, dan keupayaan masing-masing tanpa bergantung sepenuhnya kepada bimbingan guru. Melalui strategi ini, pelajar dapat menyesuaikan kaedah pembelajaran berdasarkan tahap pemahaman mereka, sekali gus meningkatkan keberkesanan pendidikan (Schunk & Zimmerman, 1998; Harris et al., 2011).

Dalam konteks sistem pendidikan Malaysia, PAK sejajar dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 dan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) yang menekankan kemahiran berfikir kritis, penyelesaian masalah serta pembelajaran sepanjang hayat. Integrasi teknologi serta peranan guru sebagai fasilitator turut menjadi faktor penting dalam menyokong keberkesanan PAK dalam bilik darjah (Lim et al., 2024).

Namun begitu, dalam subjek Al-Syariah di bawah Kurikulum Bersepadu Dini (KBD), pelaksanaan PAK masih berdepan pelbagai cabaran seperti kesukaran memahami konsep abstrak, kurangnya motivasi pelajar, serta keterbatasan kaedah pengajaran yang bergantung kepada pendekatan konvensional (Zhaffar et al., 2020). Statistik keputusan SPM 2023 menunjukkan peningkatan kadar kegagalan dalam subjek ini kepada 8.6% berbanding 7.7% pada tahun sebelumnya, mencerminkan isu yang perlu diberi perhatian segera (Laporan

Analisis Keputusan SPM 2023, 2023). Kegagalan ini bukan sahaja menjejaskan peluang pelajar dalam bidang akademik dan kerjaya, malah turut memberi kesan terhadap motivasi dan kesejahteraan emosi mereka (Zainudin, 2024). Hal ini mencetuskan persoalan sama ada pendekatan PAK telah diterapkan secara berkesan dalam konteks kandungan subjek Al-Syariah yang kompleks dan adakah ia benar-benar menyumbang kepada peningkatan pencapaian pelajar.

Walaupun PAK dilihat berpotensi sebagai satu intervensi untuk meningkatkan keberhasilan pelajar melalui pembelajaran yang fleksibel dan interaktif (Abd Razak et al., 2024), masih wujud jurang penyelidikan yang ketara. Pertama, terdapat kekurangan kajian yang memfokuskan secara khusus terhadap penerapan PAK dalam subjek Al-Syariah, yang mempunyai ciri tersendiri dari segi kandungan dan metodologi. Kedua, keberkesanan sebenar pendekatan ini terhadap pencapaian pelajar dalam subjek tersebut masih belum dibuktikan secara empirikal. Tambahan pula, strategi pelaksanaan PAK yang sesuai dengan keperluan Kurikulum Bersepadu Dini belum dikembangkan secara menyeluruh. Kajian juga masih terhad dalam meneroka bagaimana pendekatan ini boleh direka bentuk untuk menyokong aspek motivasi, kesejahteraan emosi dan sokongan sendiri pelajar. Di samping itu, penggunaan teknologi pendidikan dalam menyampaikan kandungan Syariah secara berkesan melalui PAK juga belum banyak dikaji secara mendalam. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneroka konsep PAK dalam subjek Al-Syariah, meneliti implikasinya terhadap kejayaan pelajar serta mengenal pasti strategi terbaik untuk memastikan keberkesanannya sebagai model pembelajaran yang relevan dan berkesan dalam sistem pendidikan Islam masa kini.

Konsep Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran akses sendiri memberi kebebasan kepada pelajar untuk mengawal dan menyesuaikan pengalaman pembelajaran mereka mengikut keperluan individu. Pendekatan ini menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar, di mana mereka boleh menetapkan tempo sendiri, memilih sumber yang sesuai, dan menilai kemajuan secara sendiri (Hiemstra, 1994). Dalam era digital, teknologi seperti video interaktif, simulasi, dan e-buku semakin memperkukuh keberkesanan pembelajaran akses sendiri kerana ia boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja (Foo & Hussain, 2010; Paudi Ahmad & Din Mohd, 2021).

Selain itu, integrasi kecerdasan buatan (AI) dalam pembelajaran sendiri membolehkan penyesuaian kandungan berdasarkan tahap pemahaman pelajar, menjadikannya lebih efektif (Razak et al., 2024). Autonomi pelajar merupakan elemen utama dalam pendekatan ini, di mana mereka bertanggungjawab terhadap pemilihan bahan serta strategi pembelajaran. Refleksi sendiri juga penting untuk membantu pelajar menilai pencapaian mereka dan menyesuaikan pendekatan pembelajaran mengikut keperluan semasa (Zimmerman, 2002; Hui & Rosli, 2021).

Walaupun pembelajaran akses sendiri memberi lebih fleksibiliti, ia masih memerlukan sokongan dan bimbingan daripada tenaga pengajar, ibu bapa, dan rakan sebaya bagi memastikan keberkesanannya (Knowles, 1984). Kajian menunjukkan bahawa kejayaan pendekatan ini bergantung kepada literasi digital pelajar untuk mengakses bahan pembelajaran yang berkualiti dan relevan (Pusparani & Anuar, 2021). Oleh itu, pembelajaran sendiri dapat menjadi strategi yang berkesan jika disertai dengan sumber yang mencukupi dan bimbingan yang sewajarnya.

Teori Yang Mendasari Pembelajaran Akses Kendiri

Pelaksanaan pembelajaran akses sendiri berpaksikan beberapa teori pendidikan utama, termasuk teori konstruktivisme, teori pembelajaran sendiri (*Self-Regulated Learning*), Model Andragogi Malcolm Knowles, dan Model Garrison. Setiap teori ini menekankan aspek pembelajaran berpusatkan pelajar, di mana individu diberikan kebebasan untuk mengawal pengalaman pembelajaran mereka berdasarkan keperluan, kemampuan, dan motivasi diri.

1. Teori konstruktivisme

Teori ini melihat pembelajaran sebagai satu proses aktif di mana pelajar membina pengetahuan mereka sendiri melalui pengalaman dan interaksi sosial. Pendekatan ini selari dengan konsep pembelajaran akses sendiri, yang memberi kebebasan kepada pelajar untuk mengawal perjalanan pembelajaran mereka mengikut keperluan dan tahap pemahaman masing-masing. Dalam konteks ini, pelajar dapat memilih bahan, strategi, dan sumber pembelajaran yang sesuai dengan gaya pembelajaran mereka, sejajar dengan prinsip utama konstruktivisme yang menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar (Piaget, 1952; Vygotsky, 1978).

Menurut Piaget (1952), pembelajaran berlaku apabila individu membentuk pengetahuan melalui pengalaman dan interaksi dengan persekitaran. Dalam pembelajaran akses sendiri, pelajar mempunyai peluang untuk meneroka pelbagai sumber seperti bahan bacaan, modul digital, simulasi dalam talian, dan video interaktif. Ini membolehkan mereka mengaitkan maklumat baharu dengan pengalaman sedia ada, selaras dengan konsep asimilasi dan akomodasi Piaget. Dari perspektif Vygotsky (1978), pembelajaran turut dipengaruhi oleh interaksi sosial dan sokongan yang diberikan oleh individu lain. Konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPP) dan *scaffolding* menunjukkan bahawa pembelajaran akses sendiri tidak semestinya dilakukan secara bersendirian, sebaliknya boleh diperkukuh dengan bantuan tutor, rakan sebaya, atau teknologi yang memberikan maklum balas adaptif mengikut tahap pencapaian pelajar.

Walaupun pembelajaran akses sendiri dapat meningkatkan motivasi dan tanggungjawab pelajar terhadap pembelajaran mereka, terdapat cabaran dalam pelaksanaannya. Tidak semua pelajar mempunyai kemahiran pembelajaran sendiri yang tinggi atau kesedaran metakognitif yang mencukupi untuk memilih strategi yang sesuai. Oleh itu, peranan guru sebagai fasilitator masih diperlukan, terutamanya dalam membimbing pelajar pada peringkat awal pembelajaran sendiri. Secara keseluruhannya, teori konstruktivisme menyediakan asas kukuh bagi pelaksanaan pembelajaran akses sendiri, namun ia perlu disokong dengan reka bentuk pedagogi yang berkesan, penggunaan teknologi yang bersesuaian, dan sokongan berterusan agar pelajar dapat mencapai potensi penuh mereka dalam pembelajaran sepanjang hayat.

2. Teori Pembelajaran Kendiri [*Self-Regulated Learning* (SRL)]

Dalam dunia pendidikan yang berkembang pesat, keupayaan pelajar untuk mengurus pembelajaran mereka sendiri menjadi semakin penting. Konsep Pembelajaran Kendiri atau *Self-Regulated Learning* (SRL) menekankan bagaimana pelajar merancang, memantau, dan menilai proses pembelajaran mereka untuk mencapai matlamat akademik secara efektif (Zimmerman, 2002). SRL bukan sahaja melibatkan kemahiran akademik tetapi juga aspek metakognitif, motivasi, dan tingkah laku yang menyokong pembelajaran yang lebih berdikari. Pelajar yang mengamalkan pembelajaran sendiri biasanya mempunyai keupayaan untuk menetapkan matlamat pembelajaran, menggunakan strategi yang sesuai, serta menilai kemajuan mereka secara berterusan (Pintrich, 2000).

Beberapa model utama telah dikembangkan untuk menjelaskan proses pembelajaran sendiri, termasuk Model Zimmerman (2002) yang membahagikan SRL kepada tiga fasa: persediaan, pelaksanaan, dan refleksi. Dalam fasa persediaan, pelajar menetapkan matlamat dan memilih strategi pembelajaran yang sesuai. Fasa pelaksanaan melibatkan penggunaan strategi yang telah dirancang sambil memantau kemajuan mereka, manakala fasa refleksi menilai keberkesanan pembelajaran dan menyesuaikan strategi jika perlu. Selain itu, Model Pintrich (2000) menekankan empat aspek utama dalam SRL, iaitu kognitif, metakognitif, motivasi, dan kontekstual, yang saling berkaitan dalam membentuk pembelajaran yang efektif.

Walaupun pembelajaran sendiri membawa pelbagai manfaat, terdapat beberapa cabaran dalam pelaksanaannya, seperti kurangnya kesedaran metakognitif, kekurangan motivasi, dan persekitaran pembelajaran yang tidak menyokong. Namun, dengan adanya bimbingan guru, sokongan sosial, dan teknologi pendidikan seperti e-pembelajaran, pelajar dapat mengatasi cabaran ini dan mengembangkan keupayaan pembelajaran sepanjang hayat. Oleh itu, pendekatan SRL perlu diperkukuhkan dalam sistem pendidikan bagi melahirkan pelajar yang lebih berdikari, cekap, dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

3. Model Andragogi Malcolm Knowles

Andragogi, diperkenalkan oleh Malcolm Knowles (1984), menekankan perbezaan pembelajaran antara orang dewasa dan kanak-kanak. Berbeza dengan pedagogi yang bersifat arahan, andragogi menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar, di mana individu secara aktif mengurus pembelajaran mereka berdasarkan keperluan, pengalaman, dan motivasi sendiri. Walaupun konsep ini banyak diterapkan dalam pendidikan tinggi dan latihan profesional, prinsip andragogi juga relevan dalam pendidikan sekolah moden. Dengan menggalakkan pembelajaran sendiri, ia membantu pelajar menjadi lebih berdikari, inovatif, dan bertanggungjawab terhadap proses pembelajaran mereka.

4. Model Garrison dalam Pembelajaran Kendiri

Model Garrison (1997) dalam Pembelajaran Kendiri menekankan tiga elemen utama yang saling berkaitan: kawalan sendiri, kawalan kognitif, dan motivasi sendiri. Kawalan sendiri merujuk kepada keupayaan pelajar mengurus dan merancang pembelajaran mereka, kawalan kognitif melibatkan pemantauan serta refleksi terhadap pemahaman, sementara motivasi sendiri mendorong pelajar untuk terus berusaha mencapai matlamat pembelajaran.

Ketiga-tiga elemen ini berfungsi secara dinamik—motivasi menggerakkan pembelajaran, kawalan sendiri memastikan disiplin, dan kawalan kognitif membantu dalam menilai keberkesanan strategi pembelajaran. Jika salah satu elemen lemah, keberkesanan pembelajaran sendiri akan terjejas. Model ini menjadi semakin relevan dalam pembelajaran moden, termasuk pembelajaran digital dan sepanjang hayat.

Kepentingan Pengetahuan Pelajar dan Teknik Belajar dalam Pembelajaran Akses Kendiri

Pengetahuan pelajar mengenai subjek yang dipelajari serta pemilihan strategi pembelajaran yang efektif memainkan peranan yang signifikan dalam kejayaan pembelajaran akses sendiri. Penguasaan asas yang kukuh membolehkan pelajar membina pemahaman yang lebih mendalam serta mengaitkan konsep pembelajaran dengan situasi dunia nyata (Sadiq & Hassan, 2021). Selain itu, penggunaan teknik pembelajaran yang sesuai seperti peta minda, pembelajaran berasaskan masalah (PBL), dan pembelajaran kolaboratif berupaya meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran (Nurul 'Ain Abdul Halim & Hashim Syahrul, 2023).

Kemahiran metakognitif, termasuk perancangan, pemantauan, dan penilaian sendiri, turut memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pembelajaran akses sendiri (Zimmerman, 2002). Pelajar yang berkeupayaan menilai kemajuan pembelajaran mereka dapat menyesuaikan strategi pembelajaran secara lebih berkesan. Di samping itu, tahap literasi digital yang tinggi membolehkan pelajar mengakses sumber pembelajaran yang relevan serta memanfaatkan teknologi pendidikan dengan optimum (Pusparani & Anuar, 2021).

Sokongan daripada tenaga pengajar dan rakan sebaya juga memberi impak positif terhadap pembelajaran akses sendiri. Dalam konteks ini, tenaga pengajar berperanan sebagai fasilitator yang membantu pelajar mengenal pasti serta mengembangkan strategi pembelajaran yang bersesuaian, manakala interaksi bersama rakan sebaya dapat meningkatkan pemahaman melalui perbincangan serta kolaborasi (Knowles, 1984). Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang menerima bimbingan dalam pemilihan strategi pembelajaran yang efektif mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk berjaya dalam pembelajaran sendiri (Muhammad & Kutty, 2021). Oleh itu, kejayaan pembelajaran akses sendiri dapat dicapai melalui gabungan pengetahuan pelajar, pemilihan teknik pembelajaran yang tepat, serta sokongan yang mencukupi daripada tenaga pengajar dan rakan sebaya.

Kepentingan dan Implikasi Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran akses sendiri berperanan penting dalam membentuk pelajar yang lebih berdikari serta bertanggungjawab terhadap proses pembelajaran mereka. Salah satu kepentingan utama pendekatan ini adalah pengukuhan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, yang mendorong pelajar untuk terus memperoleh ilmu secara berterusan tanpa bergantung sepenuhnya kepada tenaga pengajar atau institusi pendidikan formal (Hiemstra, 1994).

Selain itu, pembelajaran akses sendiri juga berupaya meningkatkan motivasi intrinsik dalam kalangan pelajar. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai autonomi dalam pembelajaran mereka cenderung untuk menunjukkan tahap motivasi yang lebih tinggi serta pencapaian akademik yang lebih baik (Zimmerman, 2002; Sadiq & Hassan, 2021). Dalam konteks era digital, pendekatan ini turut meningkatkan kecekapan pelajar dalam mengakses dan memanfaatkan sumber digital, sekali gus membantu mereka menguasai kemahiran teknologi yang menjadi keperluan dalam dunia moden (Foo & Hussain, 2010).

Dari sudut implikasi, pembelajaran akses sendiri memerlukan perubahan dalam peranan tenaga pengajar, di mana mereka perlu berfungsi sebagai fasilitator yang membimbing pelajar dalam mengurus pembelajaran mereka secara lebih sistematik. Selain itu, institusi pendidikan juga perlu memastikan penyediaan infrastruktur digital yang mampu menyokong pembelajaran akses sendiri secara efektif bagi meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran (Knowles, 1984).

Kajian Lepas mengenai Keberkesanan Pembelajaran Akses Kendiri dalam Subjek Agama Islam

Dalam konteks pendidikan agama, pendekatan Pembelajaran Akses Kendiri (PAK) semakin mendapat perhatian kerana potensinya dalam meningkatkan pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap subjek agama Islam. Kajian terkini menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi digital dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran sendiri dalam subjek ini. Kajian oleh Awang Hat Mohd Noor (2024) mendapati bahawa penggunaan aplikasi e-Doa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Kelas Aliran Agama (KAA) menyokong pembelajaran interaktif dan fleksibel melalui peranti mudah alih, yang secara langsung

meningkatkan minat dan penglibatan pelajar. Kajian oleh Nidzamuddin Zakaria et al. (2024) pula menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi digital dalam pengajian sirah Nabi SAW memberi akses kepada sumber pembelajaran yang lebih pelbagai berbanding buku teks tradisional, sekali gus menjadikan pembelajaran lebih menarik dan bermakna. Selain itu, aplikasi seperti Quizizz turut membolehkan pelajar menyesuaikan pembelajaran mengikut keupayaan masing-masing, yang dapat meningkatkan motivasi serta penglibatan dalam pembelajaran Pendidikan Islam (Abdul Rahim et al., 2024).

Namun begitu, walaupun keberkesanan aplikasi digital dalam PAK dibuktikan, pelaksanaannya tidak bebas daripada cabaran dan percanggahan yang ketara. Kajian oleh Nidzamuddin Zakaria et al. (2024) turut menggariskan bahawa faktor seperti capaian internet, pengetahuan teknologi, persekitaran pembelajaran, dan keadaan ekonomi memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pelaksanaan teknologi pendidikan. Hal ini secara tidak langsung menyerlahkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar, di mana pelajar di kawasan terpencil sering berdepan dengan keterbatasan dari segi infrastruktur, peranti digital dan akses internet yang stabil (Rahida Aini Mohd Ismail, 2025). Percanggahan ini menimbulkan isu ketaksamaan pendidikan apabila pendekatan PAK yang bertujuan memperkasakan pelajar akhirnya hanya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan yang mempunyai akses teknologi.

Selain faktor teknikal dan ekonomi, penerimaan budaya juga memainkan peranan penting dalam kejayaan pelaksanaan PAK, terutamanya dalam konteks masyarakat konservatif. Pendekatan sendiri yang menekankan kebebasan pelajar dalam meneroka kandungan agama mungkin tidak sepenuhnya diterima dalam kalangan masyarakat yang masih berpegang kepada pendekatan tradisional berasaskan autoriti guru. Dalam hal ini, wujud jurang dari segi penerimaan nilai dan kepercayaan terhadap PAK, yang berpotensi menimbulkan kebimbangan terhadap ketepatan pemahaman pelajar jika tiada bimbingan langsung. Tambahan pula, tidak semua pelajar memiliki tahap literasi digital yang sama; mereka yang kurang mahir menggunakan teknologi mungkin akan berasa terpinggir dan sukar menyesuaikan diri dalam sistem pembelajaran sendiri (Rahida Aini Mohd Ismail, 2025).

Secara keseluruhan, walaupun PAK melalui aplikasi digital menunjukkan potensi besar dalam memperkukuh keberkesanan pembelajaran subjek agama, kejayaan pelaksanaannya bergantung kepada sokongan infrastruktur, latihan guru, literasi teknologi pelajar, dan penerimaan masyarakat terhadap pendekatan ini. Jurang dari aspek geografi, sosioekonomi, dan budaya perlu diberi perhatian dalam penyelidikan akan datang agar pelaksanaan PAK dapat disesuaikan dengan konteks pendidikan Islam yang pelbagai dan memastikan ia benar-benar inklusif serta berkesan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian perpustakaan (*library research*) yang bertujuan untuk menganalisis konsep Pembelajaran Akses Kendiri (PAK) dalam subjek Al-Syariah berdasarkan sumber-sumber akademik yang relevan dan sahih. Data dikumpulkan daripada pelbagai bahan ilmiah termasuk artikel jurnal, buku ilmiah, laporan rasmi, serta dokumen berkaitan yang diterbitkan oleh institusi pendidikan dan badan berautoriti.

Untuk memastikan kesahan dan ketepatan maklumat, kajian ini menetapkan beberapa kriteria pemilihan sumber, iaitu: (i) penerbitan dalam tempoh sepuluh tahun terakhir (2015–2025), dengan mengambil kira juga beberapa sumber sebelum tahun 2015 kerana tiada rujukan terkini,

(ii) berkaitan secara langsung dengan tema pembelajaran sendiri, pendidikan Islam, dan subjek Al-Syariah KBD, serta (iii) diterbitkan oleh penerbit akademik atau institusi yang diiktiraf. Sumber diperoleh melalui pangkalan data utama seperti Scopus, Google Scholar, MyCite, ERIC, dan DOAJ.

Proses penganalisisan data dalam kajian ini dijalankan sepenuhnya melalui analisis kandungan ke atas sumber sekunder, iaitu bahan-bahan yang diperoleh daripada kajian perpustakaan. Sumber-sumber ini dianalisis secara sistematik untuk mengenal pasti tema-tema utama, pola pemikiran, dan dapatan yang berulang dalam literatur terdahulu berkaitan pelaksanaan PAK dalam subjek Al-Syariah. Pendekatan ini membolehkan pengkaji membuat sintesis terhadap pandangan pelbagai sarjana serta merumuskan pemahaman yang komprehensif tentang keberkesanan PAK dalam meningkatkan pencapaian pelajar, di samping mengenal pasti cabaran serta cadangan penambahbaikan dalam konteks pendidikan Islam masa kini.

Analisis dan Perbincangan

Pembelajaran akses sendiri telah dikenalpasti sebagai salah satu pendekatan yang berpotensi dalam meningkatkan kejayaan pelajar dalam subjek Al-Syariah. Berdasarkan sorotan literatur, terdapat beberapa aspek utama yang perlu dianalisis bagi menilai keberkesanan pembelajaran akses sendiri dalam subjek ini, termasuk elemen pedagogi, motivasi pelajar, penggunaan teknologi, serta cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya.

Pembelajaran akses sendiri berperanan dalam meningkatkan kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap ilmu Syariah. Pelajar yang terlibat dalam pembelajaran sendiri cenderung lebih aktif dalam eksplorasi ilmu, seterusnya membentuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang diperlukan dalam memahami hukum-hakam Islam. Selain itu, pendekatan ini turut membantu dalam pembentukan sikap tanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri, yang merupakan salah satu matlamat utama dalam pendidikan Islam, khususnya subjek Al-Syariah di bawah Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).

Motivasi intrinsik merupakan elemen penting dalam menentukan keberkesanan pembelajaran akses sendiri. Pelajar yang mempunyai kawalan sendiri yang tinggi dalam menetapkan matlamat dan mengurus pembelajaran mereka menunjukkan prestasi akademik yang lebih baik dan boleh dipraktikkan dalam subjek Al-Syariah. Walau bagaimanapun, tahap motivasi ini sering kali dipengaruhi oleh faktor persekitaran seperti sokongan guru dan rakan sebaya (Nurul 'Ain & Hashim, 2023). Pelajar yang menerima bimbingan secara berkala daripada tenaga pengajar lebih cenderung untuk mengekalkan disiplin dalam pembelajaran akses sendiri.

Integrasi teknologi dalam pembelajaran sendiri telah membawa perubahan signifikan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran subjek Al-Syariah. Penggunaan bahan digital seperti modul interaktif, video pembelajaran, serta platform e-pembelajaran meningkatkan akses pelajar kepada sumber ilmu yang lebih luas (Sadiq & Hassan, 2021).

Walaupun terdapat banyak manfaat, pelaksanaan pembelajaran akses sendiri dalam subjek Al-Syariah tidak terlepas daripada cabaran. Antara cabaran utama yang dihadapi adalah ke digital, di mana tidak semua pelajar mempunyai akses kepada peranti atau internet yang stabil terutamanya pelajar di luar bandar, sekali gus membataskan keupayaan mereka dalam melaksanakan pembelajaran sendiri secara efektif (Nidzamuddin Zakaria et al. (2024). Selain itu, tahap disiplin pelajar yang berbeza-beza. Pelajar yang kurang kawalan sendiri atau yang tidak biasa dengan kaedah pembelajaran ini sering menghadapi kesukaran untuk mengurus

masa dan mengekalkan fokus dalam pembelajaran. Tambahan pula, peranan guru sebagai fasilitator juga perlu diperkukuh agar mereka dapat membimbing pelajar dalam memilih strategi pembelajaran sendiri yang sesuai.

Bagi memastikan keberkesanan pembelajaran akses sendiri dalam subjek Al-Syariah, beberapa langkah penambahbaikan perlu diambil. Antaranya ialah penyediaan modul pembelajaran yang lebih sistematik serta latihan kepada tenaga pengajar bagi membimbing pelajar dalam kaedah pembelajaran sendiri. Selain itu, sokongan teknologi yang lebih baik perlu disediakan bagi mengatasi isu keterbatasan digital yang dihadapi oleh sesetengah pelajar. Akhirnya, pendekatan kolaboratif antara pelajar dan tenaga pengajar perlu diterapkan bagi meningkatkan keberkesanan serta keberlanjutan pembelajaran akses sendiri dalam pendidikan Islam.

Secara keseluruhannya, pembelajaran akses sendiri dalam subjek Al-Syariah mempunyai potensi besar dalam memperkasakan pelajar sebagai individu yang lebih berdikari dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Namun, pelaksanaannya perlu ditangani dengan strategi yang lebih sistematik bagi memastikan objektif pembelajaran dapat dicapai dengan lebih efektif.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pembelajaran akses sendiri dalam subjek Al-Syariah mempunyai potensi besar dalam memperkasakan pelajar sebagai individu yang lebih berdikari dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap ilmu Syariah, malah turut membentuk kemahiran berfikir aras tinggi serta motivasi intrinsik yang diperlukan dalam pembelajaran sepanjang hayat. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya perlu disokong dengan strategi yang sistematik, termasuk peranan guru sebagai fasilitator, penggunaan teknologi yang lebih efisien, serta penyediaan modul yang komprehensif. Dengan usaha berterusan daripada semua pihak, pembelajaran akses sendiri dapat menjadi pemangkin kejayaan pelajar dalam subjek Al-Syariah serta menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia.

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Profesor Madya TS. Dr. Mohd Nor Bin Mamat, atas bimbingan, nasihat, dan sokongan yang amat berharga sepanjang perjalanan penyelidikan ini. Sebagai pelajar Sarjana di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), saya amat menghargai segala ilmu dan panduan yang telah diberikan dalam memastikan kajian ini dapat disempurnakan dengan baik. Terima kasih juga kepada keluarga, rakan-rakan, serta semua pihak yang telah memberi dorongan dan sokongan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Abd Razak, M. S., Abu Bakar, S., Mat Daud, A. N., Mohd Ghazali, N., Abu Bakar, A., Kusuma, H. H., & Sari, S. Y. (2024). Pembangunan Bahan Pembelajaran Akses sendiri Berasaskan Kecerdasan Buatan Bagi Topik Haba dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat: Analisis Keperluan Berdasarkan Persepsi Guru. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(2), 32-51.
- Abdul Rahim, H. S., Wan Ismail, W. N. A., Aslis, N. A. F., & Syed Hassan, S. N. (2024). Aplikasi Quizizz dalam Membantu Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah-sekolah di Kuala Lumpur. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 7 (12), 81 - 93.
- Awang Hat Mohd Noor. (2024). Penggunaan Aplikasi e-Doa dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Kelas Aliran Agama (KAA) di Tumpat. *Jurnal al-Sirat*, 24(2), 1-29.
- Foo, S. Y., & Hussain, R. M. R. (2010). Self-directed Learning in a Socioconstructivist Learning Environment. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 9, 1913-1917.
- Garrison, D. R. (1997). Self-directed Learning: Toward a Comprehensive Model. *Adult Education Quarterly*, 48(1), 18-33.
- Harris, K. R., Graham, S., MacArthur, C. A., Reid, R., & Mason, L. H. (2011). *Self-Regulated Learning Processes and Children's Writing*. Dalam B. J. Zimmerman & D. H. Schunk (Eds.), *Handbook of Self-Regulation of Learning and Performance*, 187-202. New York: Routledge.
- Hiemstra, R. (1994). Self-directed learning. *The International Encyclopedia of Education (2nd ed.)*. Pergamon Press.
- Hui, E. X., & Rosli, R. (2021). Kebimbangan dan Efikasi Kendiri Terhadap Pembelajaran Matematik dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(3), 41-53.
- Husaini, M. H., Yusoh, A. M., Mat Ali, A., Mohd Pisol, M. I., Mat Razali, A. S., Mat Saad, D. U., Aziz, M. B. & Rani, J. (2018). Kurikulum Bersepadu Dini: Pelaksanaan Dan Cabaran. *4th International Conference on Islamiyyat Studies 2018, IRSYAD 2018 e-Proceeding*, 913-921.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022a). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Al-Syariah Tingkatan 4*. Bahagian Pendidikan Islam.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022b). *Modul Pembelajaran Akses Kendiri*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023a). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Al-Syariah Tingkatan 5*. Bahagian Pendidikan Islam.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023b). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2023: Garis Panduan Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Knowles, M. S. (1984). *Andragogy In Action: Applying Modern Principles of Adult Learning*. Jossey-Bass.
- Laporan Analisis Keputusan SPM 2023. (2023). Dilayari pada 2024, Disember 24. <http://lp.moe.gov.my/files/spm/2024/Laporan%20Analisis%20Keputusan%20SPM%202023.pdf>.
- Lim, G. F. C., Abdul Jalil, N., Hidup, D. S. A., Omar, M. (2024). Pengintegrasian Teknologi dalam Pendidikan. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistic*, 8(1), 49-67.
- Muhammad Nazir, & Kutty Fatimah Mohd (2021). Hubungan Antara Pembelajaran Regulasi Kendiri dan Motivasi Terhadap Pencapaian Akademik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(9), 215-229.

- Nidzamuddin Zakaria, Muhammad Ilyas Fahmi Mohd Shafian, & Amirul Ajwad Mohd Shukri. (2024). Penggunaan Aplikasi Digital dalam Pengajian Sirah Nabi SAW: Jendela Baharu Pembelajaran Interaktif dalam Kelas. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024)*, 17-18 Julai 2024, 807-827.
- Nurul 'Ain Abdul Halim, & Hashim Syahrul (2023). Implementasi Pendekatan Pembelajaran Kendiri dalam Proses Pembelajaran dan Pengajaran: Tinjauan Literatur Sistematis. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(4), 43-62.
- Paudi Ahmad, & Din Mohd (2021). Teknologi digital dalam pembelajaran kendiri. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 3(1), 54-67.
- Piaget, J. (1952). *The origins of intelligence in children*. Norton.
- Pintrich, P. R. (2000). The Role of Goal Orientation in Self-regulated Learning. *Handbook of Self-Regulation*, 451–502.
- Pusparani Nor, & Anuar Ahmad (2021). Tahap Keupayaan Pelajar Terhadap Penggunaan Sumber Digital Sejarah dalam Pembelajaran Kendiri. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 236-242.
- Rahida Aini Mohd Ismail. (2025). Merapatkan Jurang Digital: Ke Arah Pendidikan Inklusif dan Mampan. Penang Institute. Dilayari pada 2025, Mei 23. <https://penanginstitute.org/publications/suara-nadi/merapatkan-jurang-digital-ke-arrah-pendidikan-inklusif-dan-mampan/>.
- Razak, M. N., Rahman, N. A., & Zainal, A. (2024). Artificial intelligence in education: Adaptive learning and personalized curriculum. *Educational Research Journal*, 12(1), 15-30.
- Sadiq, S., & Hassan, M. (2021). The Role of Motivation in Self-Directed Learning. *Asian Journal of Education and Learning*, 5(2), 89-105.
- Schunk, D. H., & Zimmerman, B. J. (1998). *Self-Regulated Learning: From Teaching to Self-Reflective Practice*. New York: Guilford Press.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Zainudin, M. A. I. (2024). SPM Bukan Penentu Tunggal Masa Depan. *Malaysia Gazette*. Dilayari pada 2024, Disember 24. <https://malaysiagazette.com/2024/05/29/spm-bukan-penentu-tunggal-masadepan/>.
- Zhaffar, N. M., Abdullah, W. A. A. W., Nor, N., Musa, N. A., & Othman, M. S. (2020). Kekangan Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*, 24-25 November 2020, 430-438.
- Zimmerman, B. J. (2002). Becoming a Self-regulated Learner: An overview. *Theory Into Practice*, 41(2), 64-70.